

22/07/1998

Lima laporan polis dibuat

LIMA laporan polis sudah dibuat oleh beberapa individu berhubung penerbitan buku 50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Menjadi Perdana Menteri, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata, salah satu laporan itu dibuat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri kerana membabitkan fitnah terhadapnya.

"Polis sedang menjalankan siasatan terperinci terhadap semua tohmahan yang terkandung dalam buku itu," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Lim Guan Eng (Kota Melaka-DAP) di Dewan Rakyat, semalam.

(END)